

KU Rishah Ku Yusof
membersihkan rumahnya
yang dimasuki air.

TAK TINGGI TAPI DERAS

■ Enam rumah dinaiki air selepas hujan lebat
beberapa jam di Kampung Gelong Rambai, Tunjang

Aizat Sharif

mohd.aizat@mediaprima.com.my

Jitra

Hujan lebat berterusan awal pagi semalam menyebabkan enam rumah di Kampung Gelong Rambai, Tunjang, di sini, dinaiki air.

Kejadian banjir kilat itu disedari penduduk di kawasan itu sekitar jam 6 pagi apabila air dari kawasan parit di sekitar kawasan rumah mereka mula melimpah dan memenuhi segenap pelusok laman.

Seorang penduduk, Azhari Haron, 46, berkata, hujan sekitar jam 1 pagi dan berterusan sehingga menjelang subuh menyebabkan parit di kawasan rumahnya mula dipenuhi air sehingga melimpah.

"Sekitar 6 pagi saya melihat limpahan air itu mula mengalir masuk ke rumah ini yang juga premis kedai makan di kampung ini.

"Air yang mengalir tidaklah tinggi cuma paras buku lali (0.9 meter) saja, tetapi alirannya deras

dan terus mengalir ke kawasan rumah.

"Saya lantas mengangkat pelbagai barang seperti pakaian serta kasut yang diletakkan di lantai ke tempat lebih tinggi," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Beliau berkata, punca banjir kilat itu dipercayai kerana sistem perparitan di sekitar kawasan kampung itu tidak diselenggara dengan baik oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Parit ini dikawal selia MADA dan disebabkan tidak diselenggara dengan baik menyebabkan ia tidak mampu lagi menampung isi padu air yang memasuki parit berkenaan apabila berlakunya hujan lebat.

"Malah, kawasan kediaman di kampung ini adalah laluan terakhir bagi aliran air dari beberapa kampung berhampiran menyebabkan air yang sudah bertakung itu melimpah ke kawasan ini," katanya.

Azhari berkata, kejadian itu menyebabkan dia terpaksa mencuci halaman rumahnya sebelum membuka perniagaan kedai makannya sekitar jam 7 pagi.

"Kami menggesa pihak berkenaan jangan pandang sepi masalah banjir kilat yang berulang kali dihadapi penduduk di sini.

"Kami juga sudah tidak larat untuk mem-

bersihkan rumah akibat banjir kilat dan berharap masalah ini diatasi segera," katanya.

Salbiah Ahmad, 49, pula berkata, sebaik menyedari air sudah mula memasuki rumahnya, dia dan anaknya segera mengangkat suaminya, Yahya Bakar, 67, yang lumpuh di kaki ke atas kerusi roda untuk dialih ke tempat selamat.

"Air naik dengan pantas dan semuanya bermula dari parit di hadapan rumah saya ini yang memang bertakung.

"Ditambah dengan hujan berterusan sejak awal pagi menyebabkan air dalam parit itu bertambah dan melimpah," katanya.

Tinjauan Harian Metro di kawasan banjir kilat itu mendapati penduduk yang terjejas bertungkus-lumus membersihkan rumah mereka.

**"Air naik
dengan pantas,
semuanya
bermula dari
parit di hadapan
rumah
Salbiah Ahmad"**